



**MENTERI SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**TINDAKAN MAJIKAN MEMBERHENTIKAN PEKERJA TEMPATAN**

1. Kerajaan Perpaduan amat prihatin dengan keperluan mendesak berkaitan kekurangan guna tenaga khususnya guna tenaga asing di sektor-sektor industri yang kritikal. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri telah melaksanakan Pelan Kelonggaran Pengajian Pekerja Asing (PKPPA) bermula 17 Januari sehingga 31 Mac 2023 untuk menyegerakan kelulusan permohonan kuota pekerja asing di lima sektor kritikal iaitu perladangan, perkilangan, pembinaan, pertanian dan perkhidmatan (restoran)
2. Namun begitu, sejak kebelakangan ini KSM telah menerima banyak aduan mengenai syarikat-syarikat tempatan yang telah mendapat kelulusan kuota pekerja asing dan kemudiannya mengambil tindakan pemberhentian terhadap pekerja tempatan. Aduan terbaru yang saya terima melibatkan pemberhentian 102 orang pekerja tempatan di Pulau Pinang.
3. Saya ingin memberi peringatan tegas kepada para majikan dan syarikat-syarikat tempatan bahawa kelulusan kuota dan kebenaran pengajian pekerja asing kepada mereka adalah bagi menampung kekurangan guna tenaga dan bukan sesekali dijadikan alasan bagi menggantikan pekerja tempatan sedia ada.
4. Saya juga ingin menasihatkan para majikan bahawa setiap kekosongan pekerjaan yang ada di dalam negara ini perlu diberi keutamaan kepada rakyat dan pekerja tempatan. Tindakan majikan atau syarikat yang memberhentikan pekerja tempatan dan menggantikan mereka dengan pekerja asing adalah bertentangan dengan Seksyen 60M Akta Kerja 1955.

5. Mana-mana majikan atau syarikat yang didapati melakukan kesalahan tersebut boleh dikenakan denda sehingga RM50 ribu ringgit bagi setiap satu kesalahan dan KSM juga akan membatalkan kelulusan kuota pekerja asing yang telah diberikan.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**1 MAC 2023**